

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 20.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar disiplin murid-murid sedia ada yang wajib diikuti guru-guru yang bukan guru disiplin jika seorang murid didakwa atau disyaki melakukan kesalahan, terutamanya mengenai kes Vasantha Priya dan adakah status siasatan serta tindakan yang telahpun dan/atau akan diambil dalam kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan pendekatan “semua guru adalah guru disiplin.” Pendekatan tersebut dibuat berdasarkan prinsip bahawa kebajikan dan keselamatan murid adalah tanggungjawab bersama yang dilaksanakan oleh semua guru ketika murid berada di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengendalian kes salah laku disiplin dalam kalangan murid adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Disiplin yang ditubuhkan di semua sekolah di bawah kawalan KPM. Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan untuk melaksanakan proses siasatan dan memutuskan tindakan dan hukuman

141

yang sewajarnya dikenakan atas kes salah laku disiplin yang telah dilakukan oleh murid. Sebarang tindakan dan hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Disiplin Sekolah juga adalah tertakluk kepada kaedah dan peraturan yang ditetapkan di bawah *Education (School Discipline) Regulations, 1959* serta Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa.

Kes Vasantha Priya masih dalam siasatan pihak polis dan laporan forensik mengenai rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengenal pasti imej individu di dalam CCTV tersebut masih diproses oleh pihak polis.

RJM43